

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PENGUMUMAN PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN DEEPAVALI 2022

PUTRAJAYA, 17 Oktober 2022 - Perayaan Deepavali 2022 akan disambut di seluruh negara pada 24 Oktober 2022. Sehubungan itu, Kerajaan akan melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022 yang akan dikuatkuasakan dari 20 Oktober 2022 hingga 26 Oktober 2022. Tempoh pelaksanaan adalah selama 7 hari dan berkuat kuasa pada 4 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 2 hari selepas perayaan.**

2. Pada masa yang sama, ayam dan telur ayam telah disambung pewartaannya sebagai barangan harga terkawal dan sedang berkuat kuasa mulai 12 Oktober 2022. Antara jenis barangan harga terkawal bagi pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam adalah seperti berikut :

- (1) Ayam hidup
- (2) Ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya)
- (3) Ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)

- (4) Telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebiji)
- (5) Telur ayam gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebiji)
- (6) Telur ayam gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebiji)

3. Sebanyak **8 jenis barangan** harga terkawal berserta harga maksimumnya akan diwartakan bagi pelaksanaan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022**.

4. **Senarai barangan harga terkawal bagi SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN DEEPAVALI 2022 adalah seperti berikut:**

- (1) Daging kambing biri-biri import bertulang
- (2) Tomato
- (3) Cili merah
- (4) Kelapa biji (*Harga maksimum di peringkat borong sahaja)
- (5) Kelapa parut (*Harga maksimum di peringkat runcit sahaja)
- (6) Bawang merah kecil (India)
- (7) Bawang merah besar import
- (8) Kacang dal (Australia)

Semakan harga boleh dibuat melalui website Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di <https://www.kpdnhep.gov.my>

5. Tempoh pelaksanaan ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa pada masa kini, iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga. Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga berpuas hati dengan tempoh masa pelaksanaan yang efektif. Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022 akan

dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang membolehkan penentuan harga dibuat ke atas peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit.

6. Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan. Strategi ini membolehkan penguatkuasaan dan pemantauan dilaksanakan dengan lebih berkesan di mana tindakan segera dapat diambil terhadap aduan pengguna dan tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

7. Pengumuman harga yang ditentukan akan dibuat kepada orang ramai melalui media massa, pengedaran risalah serta pemasangan bunting dan poster di tempat-tempat strategik seperti di pasar awam, pasar raya dan pasar raya besar.

8. Jika didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan skim ini, **pengguna boleh menyalurkan aduan** kepada Kementerian ini melalui:

- (i) Whatsapp ke **019- 279 4317 / 019-848 8000**
- (ii) Portal **e-aduan@kpdnhep.gov.my**
- (iii) Pusat Panggilan **1800 886 800**
- (iv) E-mel **e-aduan@kpdnhep.gov.my**
- (v) aplikasi telefon pintar **Ez ADU**
- (vi) Pusat Arahan Penguat Kuasa (**ECC**) **03-8882 6245 / 6088**

DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

Putrajaya, 17 Oktober 2022

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampun sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

